

ShopeePay Memperluas Akses Perlindungan Penipuan Kewangan Dalam Talian Bersama Zurich

Tersedia di aplikasi ShopeePay dan Shopee, 'Zurich Wallet Protection' menawarkan perlindungan penipuan kewangan dalam talian bermula serendah RM1.40 sebulan



**LINDUNGI
KAD, eWALLET &
AKAUN BANK ANDA**

Percuma Bulan Pertama*

*T&S Tertakluk. Kempen ini dijalankan oleh MoneeInsure Agency Malaysia Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai Sealinsure Agency Malaysia Sdn. Bhd.), ejen syarikat insurans/takaful berdaftar, dengan kerjasama Shopee & ShopeePay.

BAHARU

Manfaat-manfaat yang dibayar untuk produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIP PIDM di zurich.com.my atau pidm.gov.my.

KUALA LUMPUR, 9 Februari 2026

ShopeePay hari ini mengumumkan bahawa ia akan menawarkan '**Zurich Wallet Protection**' oleh **Zurich General Insurance Malaysia Berhad** (Zurich) di **aplikasi ShopeePay dan Shopee**, yang kini boleh diakses jutaan pengguna di seluruh negara. Bermula dari **serendah RM1.40 sebulan**, pengguna **dilindungi bukan sahaja untuk transaksi melalui ShopeePay, malah merangkumi semua akaun bank, e-dompet dan pembayaran kad lain**, termasuk risiko dalam talian seperti pemindahan wang tidak sah, transaksi tanpa kebenaran, kerugian akibat *phishing*, penyamaran, penyalahgunaan kad, dan penipuan beli-belah dalam talian.

Selaras dengan misi ShopeePay, '*Kewangan Mudah, Khas Untuk Anda*', pelancaran Zurich Wallet Protection di platform ini menunjukkan komitmen ShopeePay untuk menyediakan perlindungan asas yang mampu milik dan mudah diakses oleh rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat. Pelancaran ini berlaku pada waktu yang kritikal, memandangkan kes jenayah penipuan terus meningkat. [Menurut Jabatan Siasatan Jenayah Komersial \(JSJK\) Polis Diraja Malaysia \(PDRM\), sebanyak 47,854 kes penipuan telah direkodkan sehingga September 2025, dengan jumlah kerugian mencecah RM1.92 bilion. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 12,486 kes berbanding 2024.](#)

Zurich Wallet Protection ditawarkan dalam dua pelan: **Pelan Asas** dan **Pelan VIP**.

Pelan Asas		Pelan VIP
Premium (termasuk SST 8%)	RM1.40 sebulan (Percuma untuk bulan pertama)	RM4.90 sebulan
Kelayakan	Warganegara Malaysia, berumur 18 tahun ke atas	Warganegara Malaysia, berumur 18 tahun ke atas
Faedah	Had Tuntutan Bulanan (RM)	
Pemindahan Wang Tanpa Kebenaran	3,000 (6,000 setahun)	10,000 (20,000 setahun)
Transaksi Tanpa Kebenaran (Kad Dicuri)	200	1,000
Penipuan Beli-Belah Dalam Talian	200	1,000

Alain Yee, Ketua Pegawai Eksekutif ShopeePay Malaysia berkata, “Kes penipuan dalam talian kini semakin canggih, selari dengan taktik penipu yang sentiasa berubah untuk memperdaya orang ramai. Walaupun kami giat mendidik pengguna dan masyarakat umum mengenai keselamatan dalam talian, kami percaya penyediaan lapisan perlindungan tambahan yang mampu milik dan mudah diakses juga amat penting. Sesiapa sahaja boleh menjadi mangsa penipuan, dan kebiasaannya ia hanya disedari apabila sudah terlambat.”

Beliau menambah, “Kami percaya bahawa penawaran Zurich Wallet Protection di aplikasi ShopeePay dan Shopee adalah satu langkah penting ke arah memperkukuh keselamatan digital, khususnya bagi rakyat Malaysia yang lebih terdedah kepada risiko”

Untuk menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia mencuba perlindungan dalam talian, Pelan Asas ditawarkan dengan **bulan pertama percuma**, membolehkan pengguna menikmati Zurich Wallet Protection tanpa sebarang kos.

Seiring dengan kenyataan Alain, **Junior Cho, Ketua Pegawai Eksekutif Negara Zurich Malaysia dan Ketua Pegawai Eksekutif Zurich General Insurance Malaysia Berhad**, berkata, “Kami berbangga bekerjasama dengan ShopeePay bagi melancarkan Zurich Wallet Protection, menyediakan perlindungan digital yang mampu milik dan mudah diakses untuk rakyat Malaysia. Dipandu oleh janji kami, ‘*Lindungi Segala Yang Bermakna*’, dan diperkuatkan dengan keupayaan Zurich Edge, pelanggan kini boleh mendapatkan dan mengurus perlindungan ini terus melalui aplikasi ShopeePay dan Shopee, memberi mereka keyakinan lebih tinggi semasa bertransaksi dalam talian serta melindungi semua saluran kewangan mereka daripada penipuan.”

Berikut adalah kategori perlindungan beserta contoh untuk membantu pengguna memahami apa yang dilindungi oleh Zurich Wallet Protection:

Jenis Perlindungan	Contoh Situasi
Pemindahan Wang Tidak Sah (<i>Unauthorised Transfer</i>)	Pemegang kad kredit menyedari terdapat transaksi tidak sah walaupun kad mereka tidak pernah dikongsi atau hilang.
Penipuan Pancingan Data (<i>Phishing Scam</i>)	Anda menerima e-mel palsu yang kelihatan sama seperti komunikasi rasmi bank, yang mengarahkan anda klik pautan dan memasukkan OTP, mengakibatkan kerugian RM2,000.
Penyalahgunaan Kad Dicuri (<i>Stolen Card Misuse</i>)	Selepas dompet dicuri, anda mendapati kad anda telah digunakan untuk pembelian dalam talian tanpa kebenaran.
Penipuan Beli-Belah Dalam Talian (<i>Online Shopping Fraud</i>)	Anda membeli sebuah gajet dalam talian, tetapi barangan tidak dihantar dan penjual tidak memberi respons. Perlindungan ini merangkumi pembelian dalam talian di semua platform*, bukan hanya Shopee.
Penipuan Penyamaran (<i>Impersonation Scam</i>)	Seorang penipu menyamar sebagai pegawai bank dan menghubungi anda untuk mendapatkan OTP, mengakibatkan pemindahan wang tanpa kebenaran daripada e-dompet anda.

*Tertakluk kepada Terma & Syarat. Tidak termasuk kejadian berkaitan media sosial. Tanggungjawab wajar mesti diamalkan.

Pelan ini ditanggung oleh Zurich, dan boleh diakses dengan mudah melalui platform ShopeePay.

Anda boleh mengakses 'Zurich Wallet Protection' di halaman utama aplikasi ShopeePay, atau melalui aplikasi Shopee di 'Saya' > 'Insurans'. Untuk maklumat lanjut, sila klik [sini](#).

###

Tentang ShopeePay

ShopeePay adalah hab kewangan digital sehenti bagi rakyat Malaysia yang membolehkan pengguna melakukan transaksi harian, membuat pembelian secara ansuran, mendapatkan perlindungan insurans atau takaful serta mengembangkan kekayaan melalui ShopeePay Invest (dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia). ShopeePay memudahkan pembayaran pantas di kedai-kedai, sama ada dalam talian mahupun luar talian. Dengan pilihan SPayLater, pengguna boleh memecahkan bayaran yang lebih besar dan memilih pelan pembayaran fleksibel yang mengikut keperluan mereka.

Membawa rakyat lebih dekat kepada akses kewangan, ShopeePay memenuhi pelbagai keperluan harian termasuk pembayaran bil, polisi insurans dan pemindahan dana. Dengan mengurangkan kerumitan serta mengoptimumkan pengalaman pengguna, ShopeePay berusaha untuk menyediakan penyelesaian kewangan yang mudah diakses dan ringkas kepada semua rakyat Malaysia.

Tentang Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Zurich General Insurance Malaysia Berhad (ZGIMB), sebagai sebahagian daripada Zurich Insurance Group, adalah penyedia insurans am terkemuka yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. ZGIMB menyediakan perlindungan kepada individu dan pemilik perniagaan melalui pelbagai rangkaian produk insurans am meliputi motor, perjalanan, harta benda, kewangan dan peribadi, syarikat kecil hingga sederhana selain perlindungan risiko untuk industri besar. Bersama-sama kakitangan yang berdedikasi, tenaga kerja agensi, pengedar dan rakan niaga serta dengan sokongan dari rangkaian cawangan di bandar-bandar utama di seluruh negara, ZGIMB komited untuk membantu pelanggan memahami dan melindungi aset berharga dan perniagaan mereka daripada risiko. Perlindungan takaful am yang patuh syariah juga disediakan untuk pelanggan melalui syarikat sekutu, Zurich General Takaful Malaysia Berhad. Untuk maklumat lanjut mengenai ZGIMB, layari www.zurich.com.my

Tentang Zurich Edge

Zurich Edge is a flagship digital partnerships proposition that delivers tailored and innovative solutions for customers within a partner's ecosystem. With its open architecture full-stack platform, Zurich Edge enables seamless journeys, personalized experiences, and optimization capabilities to drive deeper engagement with digital consumers and unlock unparalleled value for partners' businesses. Leveraging Zurich's strong insurance expertise, Zurich Edge comes with a dedicated digital squad in each Asia Pacific market to co-create and launch insurance opportunities that deliver competitive advantages.